

# UniMAP korbankan 15 haiwan ternakan

**K**ANGAR 29 November - Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah mengorbankan 12 ekor lembu dan tiga ekor kambing bagi meraikan sambutan Hari Raya Aidil Adha yang diadakan di kampus UniMAP Kubang Gajah, Arau di sini, baru-baru ini. Haiwan korban terbabit merupakan hasil penyertaan 50 kakitangan universiti tersebut.

Tidak ketinggalan, Naib Canselor UniMAP, Brigedier Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin turut menyertai ibadah korban ini dengan menyumbangkan seekor lembu.

Menurut Dato' Kamarudin, berkorban tidak hanya tertakluk kepada penyembelihan haiwan ternakan semata-mata tetapi mendidik diri menjadi manusia yang lebih baik.

"Berkorban sebenarnya mendidik kita menjadi manusia yang serba boleh iaitu lebih sabar, menghargai masa dan menjadi pekerja yang cemerlang," ujarnya.

Seperti tradisi, Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim, ADUN Tambun Tulang turut menyumbangkan dua ekor lembu dalam bentuk daging sebagai sokongan kepada aktiviti ibadah ini.

Daging-daging tersebut telah disedekahkan kepada badan-badan kebajikan seperti Bengkel Orang Kurang Upaya (OKU) Batu Bertangkep dan tiga buah Rumah Orang Tua Sukarela di Batu Bertangkep, Alor Sena dan juga Behor Mali.

